

ISLAM LARANG BUNUH DIRI
27 Zulhijjah 1443H/ 6 Ogos 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِينِكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Sejak akhir ini kita dikejutkan dengan pelbagai insiden membunuh diri dengan alasan kesukaran dan kesempitan hidup akibat penularan wabak covid-19. Tindakan membunuh diri ketika menghadapi kesusahan dan musibah di dunia bukanlah jalan penyelesaian terhadap sesuatu kesukaran. Ia akan meninggalkan kesan buruk terhadap orang yang tersayang sama ada ahli keluarga, sahabat dan orang lain. Malah tindakan membunuh diri menyebabkan akan diazab dengan azab yang berat di akhirat nanti.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

“ Sesiapa yang membunuh diri dengan besi maka di neraka jahanam nanti besi sentiasa ditangannya lalu ia menusuk-nusukannya ke perutnya selama-lamanya. Dan barangsiapa membunuh diri dengan minum racun, di neraka jahanam nanti dia akan terus meminumnya selama-lamanya dan barangsiapa membunuh dengan terjun dari gunung maka di neraka jahanam nanti dia akan menjatuh dirinya selama-lamanya.”

Hadis ini telah dijelaskan oleh Qadhi Iyad di dalam kitab syarah Muslim iaitu sesiapa yang membunuh dirinya sendiri, dia akan diazab di akhirat nanti dan tidak akan masuk syurga melainkan dia masih beriman kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Islam menyuruh umatnya sentiasa bersabar, cekal dan tabah dalam menghadapi apa juu masalah. Perbuatan membunuh diri dalam Islam adalah haram. Allah Subhanahu wa Taala telah berjanji mendatangkan kemudahan bagi setiap kesukaran. Bagi mereka yang menghadapi kesulitan, mereka boleh mendapatkan bantuan melalui dapur zakat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di seluruh masjid negeri Pahang. Orang ramai juga boleh menyumbang kepada program ini. Pihak kerajaan juga ada menyediakan bakul makanan dan bantuan daripada badan-badan bukan kerajaan.

Ujian kesusahan dalam kehidupan merupakan tanda yang Allah Subhanahu wa Taala sayang kepada kita serta meningkatkan keimanan kepada-Nya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah, ayat 155:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَلَنَبْلُونَكُمْ بِشَيْءٍ مِنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
 وَبَشِّرِ الْصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Marilah kita sentiasa bersabar dengan memperbanyakkan ibadah kepada Allah Subhanahu wa Taala seperti solat, membaca al-Quran, berzikir iaitu beristighfar serta berdoa kepada Allah Subhanahu wa Taala, agar dikuatkan iman dan kesabaran dalam menghadapi situasi kesukaran khusus suasana sekarang akibat penularan wabak covid-19 ini.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Taghabun ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
شَيْءٌ عَلَيْمٌ ۝

Yang bermaksud: “Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah. Dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلُ هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.